

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 25 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1311-L16253  
**Dato' Nalla K. S.** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan Malaysia ke atas 21 orang warganegara Malaysia yang telah memalukan nama negara dengan membuat tunjuk perasaan di negara asing iaitu di Singapura.
2. PN-1311-L16591  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan proaktif yang bakal diambil di kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah dalam memupuk semangat cintakan negara melalui lagu Negaraku dan prinsip Rukun Negara.
3. PN-1311-L16823  
**Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membuat pelarasan pencen antara bekas tentera yang lama dengan bekas tentera yang baru, di mana terdapat perbezaan yang besar kadar pencen antara dua kumpulan tersebut. Perkara ini perlu diatasi bagi mengurangkan tekanan kos hidup yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh generasi bekas tentera terdahulu.
4. PN-1311-L16614  
**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan Pulau Pinang pernah berunding dengan Kerajaan Persekutuan sejak 2008 untuk membina lebuh raya bertingkat (*elevated*) atas Lebuh Raya Tun Lim Chong Eu supaya menghubungi Jambatan Kedua dan Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada. Apakah anggaran kos dan jadual pelaksanaan.
5. PN-1311-L16346  
**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar atau kaedah yang diguna pakai bagi penempatan dan pertukaran guru dalam memastikan pencapaian cemerlang para pelajar.

6. PN-1311-L16182  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah CCTV yang ditempatkan di lampu isyarat seluruh bandar yang dikategorikan sebagai kawasan panas pada masa sekarang.
7. PN-1311-L16712  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persediaan pihak Kerajaan tentang kemungkinan kemasukan dana asing, propaganda media barat dan pengguna internet termasuk Facebook, Twitter dan blog yang boleh mengancam keselamatan negara.
8. PN-1311-L16738  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat mana *incinerator* dapat mengurangkan sampah-sarap dan berapakah *incinerator* ini telah dan lokasi yang akan didirikan.
9. PN-1311-L16883  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah kerugian yang telah dialami oleh Kerajaan sejak Dana Penyelidikan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dilaksanakan dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat. Berita Harian 26 Jun 2013 muka surat 19 melaporkan bahawa dana tersebut yang disediakan untuk kegunaan IPT tempatan dikesan disalahgunakan menyebabkan Kerajaan kerugian puluhan juta ringgit.
10. PN-1311-L16430  
**Datuk Pau Chiong Ung** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan pencegahan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mencegah pengusaha pengangkutan sungai membawa penumpang berlebihan supaya tragedi kapal tenggelam di Belaga, Sarawak baru-baru ini tidak akan berulang lagi.
11. PN-1311-L16284  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya Kementerian akan menimbangkan semula pelaksanaan sistem kuota kemasukan pelajar-pelajar Bumiputera ke IPTA (untuk menggantikan sistem merit sekarang) menimbangkan merosotnya peratusan pelajar-pelajar Bumiputera yang sedang menuntut di IPTA/IPTS di dalam dan di luar negeri sekarang.
12. PN-1311-L16847  
**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan untuk latihan kemahiran belia di bawah Kementerian dan apakah pengagihan untuk latihan kemahiran ini benar-benar mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memperkasakan belia-belia kita tanpa mengira bangsa dan agama serta kemahiran yang ditawarkan dan sejauh manakah rekod pencapaian latihan ini di kalangan belia.

13. PN-1311-L16356  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes penyakit kencing tikus yang dikesan di negara ini, tahap kejadian penyakit berkenaan serta langkah-langkah dan tindakan bagi menangani kejadian penyakit berkenaan.
14. PN-1311-L16427  
**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan walaupun NKRA menunjukkan bahawa jenayah telah menurun tetapi pada hakikatnya rakyat merasa bimbang dan kurang selamat. Perjelaskan segala modus operandi yang sedang dan akan disediakan untuk membendung kegiatan jenayah yang agak berleluasa dan tindakan tegas dan hukuman setimpal kepada kumpulan-kumpulan penjenayah.
15. PN-1311-L16915  
**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan pengharaman "e-rokok" (atau rokok elektronik) didapati relevan bagi menyekat penularan penggunaan dalam kalangan rakyat kita, terutama remaja, atas sebab kesan buruk kepada kesihatan. Adakah Akta tertentu yang sedia ada sudah cukup kukuh untuk diguna pakai supaya penguatkuasaan pengharaman tersebut dapat disegerakan.
16. PN-1311-L16716  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes-kes jenayah berkaitan kes ragut (*snatch theft*) sejak 2012 hingga kini. Apakah jumlah mangsa yang meninggal dunia dan dicederakan akibatnya.
17. PN-1311-L16658  
**Tuan Lihan Jok** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah kekurangan rumah guru-guru di sekolah pedalaman Sarawak sudah diatasi, khususnya di SK Long Kevok, Baram, Sarawak.
18. PN-1311-L16638  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
  - (a) status terkini perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Itali; dan
  - (b) adakah dengan mengadakan penerbangan terus (*direct flight*) daripada Kuala Lumpur ke Rom akan dapat menggiatkan lagi perdagangan, pelancongan dan pelaburan dari Itali.
19. PN-1311-L16486  
**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramaikah gadis dan wanita Malaysia dijangkiti barah pangkal rahim sejak 2008 mengikut pecahan negeri, kaum dan umur. Juga maklumkan sama ada Kementerian mempertimbangkan untuk melaksana suntikan imunisasi *Human Papilloma Virus (HPV)* kepada kanak-kanak lelaki yang juga berpotensi dijangkiti virus ini.

20. PN-1311-L16391  
**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan supaya Jadual Kelima dan Keenam dalam Seksyen 58, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991 dipinda dengan menaikkan jumlah faedah sehingga RM 30,000/- seperti mana yang telah wujud sebelum pindaan yang telah dibuat pada masa lalu.
21. PN-1311-L16792  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa projek KLIA 2 dan KKIA masih belum siap, kemas kini terkini tentang status projek tersebut, dan usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk mengatasi kelewatannya.
22. PN-1311-L16869  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian memfokuskan kepada pembangunan ke arah kualiti, produktiviti, dan kepuasan pekerja melalui perancangan pembangunan sumber manusia yang strategik.
23. PN-1311-L16834  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah peruntukan melalui pemberian geran, pinjaman dan pelaburan oleh FINAS untuk penerbitan filem bagi membantu penerbit-penerbit tempatan menghasilkan filem-filem bermutu yang boleh dijadikan kebanggaan rakyat negara ini sekali gus mengangkat seni dan budaya negara ini ke tahap yang lebih tinggi memandangkan kebelakangan ini penghasilan filem bermutu di negara ini amat berkurangan berbanding negara-negara lain khususnya negara-negara di Asia Tenggara lain.
24. PN-1311-L16664  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pemansuhan ISA telah menyebabkan keselamatan dan keamanan negara sering terugat dan semakin menjadi-jadi. Apakah keberkesanan undang-undang yang menggantikan ISA dan apakah tindakan Kementerian dalam menangani masalah ini.
25. PN-1311-L16316  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah berjaya mencapai tahap lima bintang mengikut Sistem Penarafan Bintang (SPM) Pihak Berkuasa Tempatan dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan pencapaian PBT dalam Sistem Penarafan Bintang.
26. PN-1311-L16254  
**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pengkalan data yang lengkap berhubung dengan pemilikan rumah oleh rakyat negara ini dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan setiap rakyat negara ini memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah mampu milik.

27. PN-1311-L16689  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian dan kaedah penguatkuasaan yang mungkin timbul disebabkan oleh kekangan peruntukan perundangan Akta Hasutan 1948 dan akta-akta lain bagi mengawal aktiviti provokasi jahat dan hasutan yang dilakukan oleh individu di dalam media sosial bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara tidak diuji dan dicabar untuk memporak-perandakan perpaduan sosial negara Malaysia.
28. PN-1311-L16700  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan laporan bahawa penjenayah kini mudah mendapat bekalan senjata api, terutama pistol, apabila wujud pihak tertentu yang menyediakan khidmat sewaan senjata api untuk tujuan jenayah seperti samun dan bunuh.
29. PN-1311-L16174  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk berbincang dengan pihak-pihak yang mewakili kepentingan pengguna supaya kajian semula dapat dibuat ke atas konsep pembinaan rumah asas agar ia tidak memberikan implikasi kewangan tambahan kepada pembeli.
30. PN-1311-L16478  
**Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Pusat mempunyai rancangan untuk menyelaraskan hukum syariah yang diamalkan oleh negeri-negeri dalam Malaysia supaya percanggahan yang didapati dapat dikurangkan.
31. PN-1311-L16536  
**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah benar seperti dakwaan Ketua Pengarah Arkib Negara terdapat 85 fakta sejarah negara ini diragui. Jika benar, senaraikan fakta-fakta tersebut dan apakah tindakan Kementerian untuk memperbetulkan keraguan ini.
32. PN-1311-L16250  
**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Tabung Kesejahteraan Kanak-Kanak Sedunia hasil inisiatif PERMATA telah berjaya membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa pelbagai musibah dalam dan luar negara.
33. PN-1311-L16780  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- apakah syarat dan kriteria yang diguna pakai dalam pemberian cuti belajar (sabatikal) kepada golongan guru, guru besar dan pengetua; dan
  - adakah Kementerian yakin langkah ini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran seajar dengan pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 yang menyasarkan sistem pendidikan negara setaraf negara maju.

34. PN-1311-L16399  
**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah wang yang terkumpul dalam Tabung Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resource Development Fund*) hingga setakat ini. Daripada jumlah tersebut berapakah yang dibelanjakan untuk manfaat para pekerja di Malaysia.
35. PN-1311-L16341  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian hasrat untuk mengkaji semula kaedah pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan, terutama penganjuran program seperti Kejohanan Balapan dan Padang, serta Merentas Desa, supaya bersesuaian dengan cuaca setempat.
36. PN-1311-L16877  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pendaftaran secara talian melalui portal JobsMalaysia dan jumlah yang ditempatkan dalam pasaran kerja bagi menangani kadar pengangguran sebanyak 3% di Malaysia.
37. PN-1311-L16649  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak tempat yang telah diberikan kepada pelajar India Muslim untuk melanjutkan pengajian mereka di pusat-pusat Matrikulasi, universiti-universiti awam dan politeknik bagi tahun 2013.
38. PN-1311-L16307  
**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan hasil penyiasatan kematian 14 ekor gajah di Sabah antara bulan Disember 2012 dan Januari 2013 dan apakah langkah-langkah yang dirancang supaya perkara sedemikian tidak berulang serta rancangan-rancangan pemuliharaan jangka masa panjang.
39. PN-1311-L16434  
**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terperinci bidang-bidang pekerjaan yang kita bergantung kepada tenaga asing. Sudahkah kita memberi latihan dan galakkan kepada orang tempatan untuk memasuki bidang perkhidmatan yang di kuasai oleh tenaga buruh luar negara seperti perkhidmatan jaga, pekerjaan binaan dan ladang untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada tenaga pekerja dari luar negara.
40. PN-1311-L16224  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) tahap perpaduan dan keharmonian dalam negara kini; dan
  - (b) usaha-usaha dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil dalam memperkuatkan perpaduan dan keharmonian rakyat selepas banyak demonstrasi yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

41. PN-1311-L16893  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah jumlah beban subsidi gas asli sebanyak lebih RM 20 bilion setahun yang ditanggung PETRONAS tidak dimasukkan dalam Laporan Ekonomi Negara sedangkan dana PETRONAS yang digunakan itu adalah khazanah negara yang hanya dinikmati oleh segelintir sektor korporat yang sudah pun diberi berbagai insentif.
42. PN-1311-L16730  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mempromosikan Pulau Labuan sebagai destinasi pelancongan dalam dan luar negara. Dan sama ada insentif diberikan kepada pengusaha sektor pelancongan di Pulau Labuan.
43. PN-1311-L16362  
**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan perkembangan aktiviti dan pembangunan Pelabuhan Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan.
44. PN-1311-L16625  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-  
(a) apakah perancangan jangka panjang untuk memantapkan lagi perancangan pembangunan ekonomi di negeri-negeri di dalam Koridor Utara (NCER); dan  
(b) apakah status penyediaan kajian *Perlis State Strategic Development Plan* oleh NCIA.
45. PN-1311-L16459  
**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa kes buli yang dilaporkan berlaku di sekolah-sekolah mengikut pecahan negeri, kaum dan umur sejak 2008. Daripada bilangan ini, berapa kes yang dikategorikan sebagai jenayah dan bentuk hukuman ke atas pesalah dan apakah tindakan Kementerian untuk membanteras gejala ini.
46. PN-1311-L16785  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan senarai semua usaha sama Kerajaan dengan Boustead Heavy Industries Corporation Berhad, keistimewaan cukai jika ada dan konsesi-konsesi yang diberikan kepada usaha sama tersebut berserta nilainya.
47. PN-1311-L16613  
**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terbaru dalam perlaksanaan projek MRT bagi Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Sekiranya anggaran kos dan tarikh persiapan tidak lagi mengikut apa yang telah dirancang, apakah sebab-sebabnya dan cara menanganinya.

48. PN-1311-L16644  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) apakah status terkini pelaksanaan perkhidmatan televisyen digital di Malaysia dan berapakah anggaran harga tv baru tersebut; dan
  - (b) adakah televisyen yang lama tidak lagi dapat digunakan selepas pelaksanaan televisyen digital dan apakah implikasi kepada penduduk miskin yang tidak mampu membeli tv digital baru.
49. PN-1311-L16475  
**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan perkahwinan membabitkan kanak-kanak perempuan di bawah umur 17 tahun sejak 2008 mengikut pecahan negeri, kaum dan umur. Juga tindakan yang diambil dan program Kementerian untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung risiko perkahwinan sedemikian.
50. PN-1311-L16550  
**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah biasiswa yang telah diluluskan kepada pelajar Bumiputera bagi peringkat Ijazah dan Doktor Falsafah (PhD) bagi tahun berakhir 2011 dan 2012; dan
  - (b) jumlah yang dijangka diproses serta diluluskan bagi peringkat yang sama bagi tahun 2013.
51. PN-1311-L16335  
**Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah rancangan yang dibuat oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong ke Little India, Brickfields.
52. PN-1311-L16747  
**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi menangani isu jenayah agama dalam menjaga keharmonian negara dan menjaga kesucian agama Islam sebagai agama Persekutuan.
53. PN-1311-L16498  
**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan tegas ke atas mana-mana individu yang menghina Yang di-Pertuan Agong termasuk melucutkan status kerakyatan mereka atau menurunkan status mereka kepada penduduk tetap pemegang kad pengenalan merah (PR) sebagai suatu pengajaran bahawa kedudukan Institusi Raja tidak boleh dipermainkan.

54. PN-1311-L16517  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah sarang burung yang telah dieksport ke China sejak pelesenan beberapa syarikat pengeksport sarang burung dikeluarkan. Berapa dan apakah syarikat yang telah diperlesenkan untuk mengeksport sarang burung ke China.
55. PN-1311-L16317  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan ke atas 60 laman blog yang menyebarkan ajaran sesat dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memberikan kesedaran kepada umat Islam tentang ajaran-ajaran sesat ini.
56. PN-1311-L16856  
**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam membendung masalah sosial seperti mat rempit, pengambilan alkohol dan dadah di kalangan belia.
57. PN-1311-L16715  
**Dato' Jaspal Singh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah tawaran biasiswa daripada sumber terkemuka biasanya meliputi bidang perubatan, undang-undang, perakaunan, IT sementara tidak meliputi tawaran biasiswa bagi pelajar yang mahir dalam bidang seni seperti '*fine arts*', '*fashion designer*', '*interior designer*' dan sebagainya.
58. PN-1311-L16695  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan unjuran pensiswazahan siswazah ijazah pertama dan berapa peratuskah siswazah ini mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduan dan apakah langkah-langkah Kementerian sekiranya wajar untuk memastikan graduan sama ada di IPTA dan IPTS mendapat pekerjaan dengan kadar segera selepas bergraduan setelah kursus-kursus yang mereka ikuti memenuhi permintaan industri.
59. PN-1311-L16571  
**Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tindakan yang diambil dalam menangani masalah sampah sarap yang terdapat di tepi-tepi jalan di beberapa tempat di Kuala Lumpur.
60. PN-1311-L16212  
**Dr. Lucas Umbul** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam membina prasarana anggota-anggota ESSCOM di Pantai Timur Sabah telah dicapai setakat ini.
61. PN-1311-L16835  
**Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah cadangan untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris wajib lulus di peringkat SPM dikuatkuasakan. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar khususnya pelajar di luar bandar.

62. PN-1311-L16808

**Datuk Hj Saat bin Hj Abu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan kepada Kerajaan Malaysia supaya mewujudkan satu akta agar mana-mana pasukan atau individu yang membangkitkan soal agama, mana-mana kaum dan bercakap boleh menimbulkan ketidaksefahaman keharmonian kaum, mesti diambil tindakan undang-undang tanpa dibicarakan dan terus dijatuhkan hukuman berat.

63. PN-1311-L16235

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan dan usaha Kementerian bagi membangun dan memajukan belia serta kelab-kelab belia yang bagaikan hidup segan mati tak mahu sekarang ini; dan
- (b) apakah usaha-usaha oleh Kementerian bagi menyatukan badan-badan belia dan sukan yang kelihatan banyak berpecah dan bersifat keakuan.

64. PN-1311-L16413

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan setakat manakah kejayaan Kerajaan untuk memenuhi janji yang dibuat oleh YAB. Perdana Menteri *at the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) Conference of Parties 15 (COP-15) Copenhagen in 2009, to voluntarily reduce the country carbon intensity of GDP up to 40% (percent) by the year 2020 compared to 2005 levels, subject to financial and technological assistance from the developed countries.* Apakah tindakan dan perkembangan setakat hari ini.

65. PN-1311-L16293

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes kemalangan yang disebabkan oleh kejatuhan muatan dari kenderaan berat yang telah menyebabkan kematian dan kecederaan pada sepanjang tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013 dan langkah-langkah yang diambil untuk membasmi kemalangan ini.

66. PN-1311-L16409

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula duti eksais yang dikenakan ke atas kenderaan yang dikeluarkan oleh Negara-negara Asean yang berkapasiti di bawah 1500cc memandangkan duti eksais yang dikenakan oleh Kerajaan hampir setara dengan duti yang dikenakan oleh negara jiran seperti Indonesia dan Thailand.

67. PN-1311-L16374

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat persempadanan semula dengan mengambil kira jumlah bilangan pengundi yang seimbang bagi setiap kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

68. PN-1311-L16525  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pencapaian program imunisasi HPV bagi wanita. Berapakah jumlah pelajar perempuan di sekolah menengah yang telah menerima imunisasi HPV setakat ini.
69. PN-1311-L16901  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memaklumkan setakat ini sudah berapakah institusi pengajian tinggi swasta yang sudah diambil tindakan kerana membawa masuk pelajar-pelajar asing yang menyalahgunakan pas pelajar mereka serta apakah bentuk tindakan tersebut, sekiranya ada, yang sudah diambil terhadap institusi-institusi ini bagi mengawal kebanjiran masuk pelajar-pelajar asing yang semakin menimbulkan masalah sosial dan jenayah dalam negara ini.
70. PN-1311-L16508  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah Hospital Kerajaan yang mempunyai pusat strok yang mempunyai kepakaran neurologi, peralatan dan ubatan yang bersesuaian untuk menghadapi kecemasan strok.
71. PN-1311-L16748  
**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di kalangan guru, guru besar dan pengetua sekolah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.
72. PN-1311-L16462  
**Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah lalu lintas di bandar-bandar besar di Malaysia. Adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk serah tanggungjawab memajukan pengangkutan awam kepada Kerajaan negeri.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** akan mencadangkan:-

" Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

" Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parliment, memohon ampun mempersempahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parliment Yang Ketiga Belas."

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (24 Julai, 2013)**

- |                  |  |                                   |
|------------------|--|-----------------------------------|
| 2. (D.R. 4/2013) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
|------------------|--|-----------------------------------|

**[ Menteri Kewangan ]**

3. PN-1311-U16251  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

4. PN-1311-U16252  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara."

#### [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]

5. PN-1311-U16256

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

#### [ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ]

6. PN-1311-U16257

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini. Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

#### [ Menteri Sumber Manusia ]

7. PN-1311-U16387

**Dato' Boon Som a/l Inong** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elauan dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan.

Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun. Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran. Begitu juga dengan elauan dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elauan dan kemudahan Ahli Parlimen."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2013</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi Bagi Tahun 2011.	25 Julai 2013
ST.14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia Bagi Tahun 2011.	25 Julai 2013
ST.17	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2012.	25 Julai 2013
ST.21	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman Bagi Tahun 2012.	25 Julai 2013
ST.24	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Bagi Tahun 2011.	25 Julai 2013